

Rantau Panjang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan mematahkan cubaan menyeludup tembakau kunyah seberat lebih 2.5 tan bernilai lebih RM600,000.

Rampasan dilakukan Pasukan Operasi Cawangan Penguatkuasaan Rantau Panjang JKDM hasil Operasi Macan Legit di Kampung Kukang, Kadol, Kota Bharu jam 4.30 pagi kelmarin.

Pengarahnya, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long, berkata, enam kenderaan termasuk sebuah lori dan lima pacuan empat roda turut dirampas menerusi serbuan berke-
naan.

"Hasil pemeriksaan terhadap semua kenderaan itu, kami menemui tembakau kunyah pelbagai jenama iaitu barangan larangan dimuatkan dalam 122 kotak.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk kenderaan dan cukai adalah lebih RM600,000," katanya, semalam.

Menurutnya, JKDM turut menahan seorang lelaki berusia 29 tahun yang juga pemandu lori.

Beliau berkata, modus operandi digunakan sindiket adalah menyeludup tembakau kunyah melalui pangkalan haram sebe-

2.5 tan tembakau kunyah bernilai RM600k dirampas



WAN Jamal (tengah) bersama pegawainya menunjukkan tembakau kunyah yang dirampas.

lum dimuatkan dalam lori dan kenderaan pacuan empat roda.

"Siasatan awal mendapati bekalan ini untuk dihantar ke Lembah Klang bagi pasaran penduduk tempatan dan warga asing.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967," katanya.

WAN Jamal (kiri) memeriksa kenderaan yang membawa tembakau kunyah. Gambar NSTP/ NIK ABDULLAH NIK OMAR